

04 JUL 1999

Razaleigh-Universiti

PENUBUHAN UNIVERSITI ANTARA PROJEK DALAM MANIFESTO BN KELANTAN

KOTA BAHARU, 4 Julai (Bernama) -- Beberapa projek pembangunan yang dijangka mampu mengubah kehidupan rakyat Kelantan ke arah lebih baik akan dimasukkan dalam manifesto Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah berkata antara projek yang dianggap besar dan sangat diperlukan oleh rakyat Kelantan ialah sebuah universiti selain kilang-kilang yang menyediakan banyak peluang pekerjaan dan pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra.

"Semua ini hanya boleh diwujudkan apabila BN memerintah semula negeri ini kerana kerajaan PAS yang ada sekarang tidak mampu untuk menyediakan semua kemudahan itu," katanya ketika berucap pada majlis perjumpaan jentera pilihan raya Umno bahagian Pengkalan Chepa di sini malam tadi.

Tengku Razaleigh berkata kegagalan PAS mewujudkan peluang pekerjaan berikutan tiada rancangan meransang pertumbuhan sektor perkilangan telah menyebabkan rakyat terpaksa berhijrah ke negeri-negeri lain termasuk ke Singapura untuk mencari pekerjaan.

"Segala kemahiran yang dimiliki rakyat tidak dapat dicurahkan di negeri sendiri sehingga ia jauh ketinggalan berbanding negeri-negeri lain di pantai barat," katanya.

Beliau juga berkata malang bagi Kelantan, sebuah negeri yang cukup terkenal sebagai pusat ilmu khususnya Islam pada suatu masa dahulu, masih tidak mempunyai sebuah universiti.

"Oleh itu ramai anak negeri ini terpaksa merantau ke negeri-negeri lain semata-mata untuk mendapatkan pendidikan di peringkat lebih tinggi," katanya.

Tengku Razaleigh berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sentiasa memberi sokongan penuh kepada beliau menerajui Umno Kelantan akan membolehkan semua projek pembangunan yang dicadangkan itu menjadi kenyataan.

Beliau berkata rakyat perlu menolak pemimpin PAS yang "makan gaji buta" kerana tidak melakukan sesuatu bagi meningkatkan taraf hidup rakyat sepanjang tempoh sembilan tahun memerintah Kelantan.

"Kecenderungan rakyat mahukan kepada Umno sekarang semakin jelas," katanya.

-- BERNAMA

BD MAI